

# NTU kekal antara tiga varsiti muda paling elit dunia

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) mengekalkan kedudukannya sebagai antara tiga universiti muda paling elit dunia.

Ini menurut Times Higher Education yang berpangkalan di London yang mengumumkan kedudukan universiti terbaik dunia di bawah usia 50 tahun semalam semasa Sidang Universiti Muda 2017 di Australia apabila NTU meraih tempat ketiga.

NTU juga di tempat pertama bagi universiti muda dunia oleh Quacquarelli Symonds (QS) sepanjang tiga tahun secara berturut-turut.

QS ialah sebuah syarikat Britain

yang memberi pengkhususan dalam pendidikan dan pengajian luar negara.

Kedua Times Higher Education dan QS menggunakan metodologi bagi menyenarai universiti muda terbaik dunia.

NTU merupakan satu-satunya universiti Singapura yang disenarai dalam 10 tempat terbaik dalam senarai 200 universiti muda terbaik Times Higher dibawah usia 50 tahun.

Secara menyeluruh, keputusan NTU meningkat dengan keputusan baik diraih dalam aspek pengajaran, pemetikan (citation) dan pandangan antarabangsa.

Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson, berkata: "Hanya tujuh negara yang berjaya menduduki 10 tangga tertinggi secara global dan Singapura merupakan satu daripadanya, diwakili NTU.

"Kami amat bangga dapat mengibarkan bendera Singapura dalam liga tertinggi ranking Times Higher Education.

"Keputusan terkini ini mengesahkan lagi kekuatan NTU dan pengiktirafannya secara global dalam pengajaran, kajian dan bekerjasama dengan rakan kongsi antarabangsa serta industri."

Pada bulan lalu sahaja, NTU telah menjalin kerjasama dengan tujuh rakan kongsi utama global dan setempat, termasuk SystemX dan Schneider Electric dari Perancis, Camfill dari Sweden, Riken dari Jepun, dan Elid Technology International dari Singapura.

Ini melengkapi usaha kerjasama meluas NTU dengan sekitar 400 ahli akademik, pengkaji dan rakan kongsi industri seluruh dunia.

"Keputusan keseluruhan NTU telah bertambah baik tetapi pesaing di peringkat serantau juga semakin baik seperti Universiti Sains dan Teknologi Hongkong, satu daripada pesaing mesra NTU.

"Kedua universiti menghormati satu sama lain," kata Profesor Andersson lagi.

Sebanyak 13 petanda prestasi digunakan Times Higher Education bagi menyenaraikan universiti di bawah usia 50 tahun dalam ranking universiti dunia.

Namun, ia tidak memberi tumpuan berlebihan terhadap reputasi bagi mencerminkan ciri khas universiti muda. Petanda itu dikumpulkan kepada lima kategori: pengajaran, kajian, pemetikan, pandangan antarabangsa dan pemindahan pengetahuan.